

Kerugian Berpunca Masalah Pengurusan, Bukan Penyelewengan Kewangan - Idris Bernama
5 Mac, 2014

MELAKA, 5 Mac (Bernama) -- Kerajaan negeri Melaka pada masa ini tidak melihat keperluan untuk memanggil Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyiasat kerugian jutaan ringgit anak syarikat dan agensi kerajaan negeri, kata Ketua Menteri Datuk Seri Idris Haron.

Beliau berkata ini kerana kerugian itu bukan disebabkan oleh penyelewengan dalam kewangan sebaliknya melibatkan masalah pengurusan anak syarikat dan agensi kerajaan negeri terlibat.

Katanya, segala kewangan melibatkan kerajaan negeri diaudit Jabatan Audit Negara dan bahagian audit negeri sendiri yang sehingga kini tiada sebarang penyelewengan ditemui pada kewangan kerajaan negeri.

"Bila audit siap dan ada kepincangan, kerajaan negeri tahu garis panduan yang perlu dipakai bagi selesaikan masalah ini...saya pohon rakyat berikan saya masa untuk selesaikan semua ini," katanya kepada pemberita di luar persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka Ke-13 di Melaka, Rabu.

Sebuah akhbar berbahasa inggeris melaporkan Rabu bahawa kerajaan negeri Melaka menanggung kerugian RM360 juta disebabkan masalah terlebih belanja dan perancangan tidak baik anak syarikat dan agensi kerajaan negeri itu, dengan Yayasan Melaka mengalami kerugian paling tinggi berjumlah RM286 juta.

Idris berkata kerajaan negeri sebenarnya telah mengambil tindakan awal menangani masalah itu dengan melakukan rombakan terhadap 18 jawatan pegawai kanan kerajaan negeri awal tahun ini yang dilihat mampu menangani masalah itu, seterusnya memastikan prestasi anak syarikat dan agensi kerajaan negeri dibawa ke tahap tertinggi.

Memberikan contoh, beliau berkata pelantikan bekas Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negara Datuk Zaini Md Nor yang dikenali sebagai pakar kewangan sebagai Pengurus Besar Yayasan Melaka dilihat langkah penting bagi menangani masalah tersebut.

"Semua pegawai kanan dilantik ini punya kebolehan tinggi dalam menyelesaikan masalah seperti ini dan semua datang dengan pelan tindakan bersama tempoh masa untuk selesaikan masalah," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1019471>